

Fahami perbezaan budaya, agama bendung Islamofobia

Sesi libat urus diperlukan untuk saling memahami masyarakat berbilang bangsa

Oleh Muhammad Zulsyamini Sufian Suri
bhnews@bh.com.my

Ipoh: Datuk Seri Anwar Ibrahim menekankan kepentingan kepada umat Islam untuk duduk berbincang sekali gus memahami tamadun, budaya, serta agama masyarakat berbilang kaum dan agama dalam usaha membendung fenomena seperti Islamofobia.

Perdana Menteri berkata, perbincangan dan pemahaman mengenainya tidak wajar diabaikan rakyat negara ini yang terdiri berbilang latar, malah ia amat diperlukan sekiranya umat Islam sendiri mahukan masyarakat bukan Islam turut memahami mereka.

“Masalah kita hadapi di selu-

ruh dunia adalah kejahilan sepenuhnya, dengan kita mengangap bahawa kita tahu sedangkan sebenarnya kita tidak tahu. Kita cuba membincangkan kebanyakan isu dan babitkan diri dalam wacana, kerana prejudis.

“Zaman pasca penjajahan Barat, masih mengekalkan ajaran lama mereka... oleh demikian (wujud) salah faham, maklumat yang salah dan penolakan kepada yang lain, yang kemudian diistilahkan sebagai Islamofobia.

“Bagaimana anda bertahan dan hidup dalam masyarakat berbilang kaum, berbilang agama di Malaysia dan mengelak membincangkan agama, budaya, tamadun lain... dan kemudian menuntut supaya barat memahami kita.

“Jadi saya fikir sesi libat urus diperlukan untuk membolehkan orang lain memahami kita dan juga untuk kita memahami mereka,” katanya ketika menyampaikan sembah ucapan sempena majlis perasmian Persidangan Pemikiran dan Tamadun Islam Sedunia 2024 (WCIT 2024) di Universiti Sultan Azlan Shah (USAS), di sini semalam.

Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah berkenan ha-

dir merasmikan persidangan berkenaan.

Dalam pada itu, Anwar memuji penganjuran WCIT 2024 sambil menyifatkan persidangan atau dialog seumpama itu harus digalakkan kerana ia relevan bukan sahaja untuk keperluan Malaysia, malah kepada rantau ini.

Katanya lagi, terminologi ‘toleransi’ dalam berinteraksi antara Islam dan agama lain tidak harus diguna pakai dalam usaha memahami agama lain, sebaliknya ia berkisar tentang cuba memahami antara satu sama lain dan menghargai perbezaan khususnya segi bangsa, suku dan warna kulit.

WCIT 2024 Kali ke-7 anjuran USAS berlangsung di Pusat Konvensyen Casuarina di Meru Raya, di sini bermula semalam hingga esok dengan membawa tema *Together We Stand: Muslims and Global Humanity* (Bersama Kita Teguh: Umat Islam dan Kemanusiaan Global).

Persidangan tiga hari itu menyasarkan kehadiran lebih 1,000 orang terdiri alim ulama, pemimpin, intelektual, profesional dan masyarakat dalam serta luar ne-

gara yang membawakan tujuh sub tema.

Sub tema itu menekankan tentang politik global, kedaulatan undang-undang, tadbir urus dan in-

tegriti, pendidikan dan penyelidikan, kerjasama dan pembangunan ekonomi, kesenian dan kemanusiaan, serta teknologi hijau dan kemampanan persekitaran.